**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

**10 FEBRUARI 2022**

---

## A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 2,969 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 262,901 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.

2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 351 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 242,628 orang. Manakala 2,166 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 912 orang di hospital, 1,212 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 39 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 37 orang merangkumi 32 di ICU/repurposed kritikal *care* serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 14 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan *(ventilated)*. Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 27 (17.31%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:




Daerah Nabawan dan Pitas berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 25 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

a. Jumlah kes harian menurun sedikit hari ini kepada 2,969 kes, kurang 364 kes berbanding kelmarin. Walau bagaimanapun jumlah kes di hampir semua daerah adalah tinggi. Mengambilkira peratusan kes simptomatik yang amat tinggi (56.35%), kadar penularan virus adalah lebih cepat dan ini boleh mengakibatkan kes-kes jangkitan harian yang tinggi.

b. Lapan (8) daerah mencatatkan kes tiga (3)angka iaitu Kota Kinabalu 565 kes, Penampang 346 kes, Sandakan 327 kes, Tuaran 248 kes, Papar 241 kes, Tawau 181 kes, Lahad Datu 151 kes dan Ranau 121 kes. Sebanyak 18 daerah lagi mencatatkan kes dua (2) angka dan hanya Kalabakan yang mencatatkan kes satu (1) angka.

c. Seperti yang dinyatakan lebih awal peratusan kes-kes simptomatik atau bergejala adalah tinggi hari ini, iaitu 56.35% (1,673 daripada 2,969 kes). Kes-kes simptomatik atau bergejala adalah penyumbang utama kepada kes-kes baharu di hampir semua daerah di Sabah khususnya daerah-daerah yang merekodkan kes harian tiga (3) angka seperti Kota Kinabalu, Penampang, Sandakan, Tuaran, Papar, Tawau, Lahad Datu dan Ranau.

d. Peratusan kes-kes simptomatik yang tinggi bermakna virus COVID-19 sudah bertapak dalam komuniti di daerah-daerah berkenaan dan jangkitan secara sporadik sudah menjadi punca jangkitan utama. Adalah dinasihatkan agar mereka yang tinggal di kawasan-kawasan berkenaan mengurangkan perjalanan di tempat-tempat sesak dan mematuhi semua SOP sepanjang masa. Risiko jangkitan di tempat-tempat awam yang sesak adalah sangat tinggi.

e. Empat (4) kluster baharu diumumkan hari ini, tiga (3) kluster melibatkan sekolah (kluster institusi pendidikan) dan satu(1) lagi kluster di tempat kerja.

f. Kluster Jalan Getah di Kunak merupakan kluster institusi pendidikan yang melibatkan SMK Kunak. Indeks kes merupakan pelajar perempuan yang tinggal di asrama sekolah tersebut yang didapati positif setelah menjalani saringan kerana bergejala. Saringan keatas kontak rapat mendapati 21 orang lagi positif termasuk tiga (3) kes baharu hari ini menjadikan jumlah kumulatif 22 kes. Mereka semua adalah dalam kategori ringan, telah diasingkan dan diberi rawatan sewajarnya.

g. Kluster Madai 2 yang juga di Kunak melibatkan sekolah di daerah tersebut, iaitu SMK Madai. Indeks kes adalah seorang pelajar perempuan berumur 13 tahun telah menjalani saringan kerana bergejala dan disahkan positif. Jumlah kes kumulatif kes kluster ini ialah 40 kes, termasuk 10 kes baharu hari ini. Semua mereka berada dalam kategori ringan, telah diasing dan diberi rawatan sewajarnya.

h. Di Kota Kinabalu, Kluster Jalan Gudon merupakan kluster institusi pendidikan yang melibatkan pelajar SMK Bandaraya Kota Kinabalu. Indeks kes adalah pelajar lelaki 17 tahun yang didapati positif setelah menjalani saringan kerana bergejala. Jumlah kumulatif kes setakat ini ialah 22 kes termasuk lima (5) kes baharu hari ini. Semua mereka adalah dalam kategori ringan, telah diasing dan diberi rawatan sewajarnya.

i. Terdapat satu (1) kluster tempat kerja di Kota Kinabalu, iaitu Kluster Sutera 2. Indeks kes yang berumur 33 tahun merupakan kakitangan pengurusan di tapak pembinaan, didapati positif setelah menjalani ujian saringan di sebuah klinik swasta kerana bergejala. Saringan keatas kontak rapat mendapati 57 orang lagi pekerja dikesan positif. Semua kes telah diasingkan dan diberi rawatan selanjutnya.

j. Sejumlah 2,953 (99.46%) daripada 2,969 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat Lapan (8) kes dalam Kategori 3, enam (6) kes dalam Kategori 4 dan dua (2) kes dalam Kategori 5. Ini bermakna hanya 16 orang memerlukan rawatan di hospital. Ini juga merupakan bukti nyata keberkesanan pengambilan vaksin.

k. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (1,047) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah**:**

| **Bil.** | **Kategori Saringan** | **Bilangan Kes** | **Peratusan** |
|---|---|---|---|
| 1 | Kluster | 72 | 2.43% |
| 2 | Kontak | 1,047 | 35.26% |
| 3 | Bergejala | 1,673 | 56.35% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 177 | 5.96% |
| **JUMLAH** | | **2,969** | **100%** |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (9 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah**:**

| **Bil.** | **Daerah** | **Catatan Kes 9/02/2022** | **Catatan Kes 10/02/2022** | **Perbandingan** |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Keningau | 57 | 88 | +31 |
| 2 | Putatan | 17 | 47 | +30 |
| 3 | Penampang | 324 | 346 | +22 |
| 4 | Kudat | 18 | 39 | +21 |
| 5 | Papar | 224 | 241 | +17 |
| 6 | Pitas | 7 | 22 | +15 |
| 7 | Nabawan | 17 | 28 | +11 |
| 8 | Semporna | 54 | 62 | +8 |
| 3 | Kalabakan | 1 | 6 | +5 |
| 10 | Sipitang | 36 | 40 | +4 |
| 11 | Tenom | 15 | 18 | +3 |
| 12 | Kota Belud | 90 | 91 | +1 |
| 13 | Tambunan | 15 | 16 | +1 |
| 14 | Beluran | 33 | 33 | Mendatar |
| 15 | Sandakan | 510 | 327 | -183 |
| 16 | Kinabatangan | 96 | 19 | -77 |
| 17 | Ranau | 196 | 121 | -75 |
| 18 | Beaufort | 116 | 48 | -68 |
| 19 | Kota Kinabalu | 591 | 565 | -26 |
| 20 | Kunak | 73 | 50 | -23 |
| 21 | Tuaran | 266 | 248 | -18 |
| 22 | Lahad Datu | 169 | 151 | -18 |
| 23 | Kota Marudu | 102 | 84 | -18 |
| 24 | Tawau | 191 | 181 | -10 |
| 25 | Kuala Penyu | 51 | 43 | -8 |
| 26 | Tongod | 19 | 11 | -8 |
| 27 | Telupid | 45 | 44 | -1 |
| **JUMLAH** | | **3,333** | **2,969** | **-364** |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 56 | 183 | 297 | 0 | 29 | 565 | 2,982 |
| Penampang | 0 | 158 | 181 | 0 | 7 | 346 | 1,581 |
| Sandakan | 0 | 87 | 202 | 0 | 38 | 327 | 2,491 |
| Tuaran | 0 | 121 | 108 | 0 | 19 | 248 | 1,527 |
| Papar | 0 | 78 | 156 | 0 | 7 | 241 | 964 |
| Tawau | 0 | 24 | 135 | 0 | 22 | 181 | 903 |
| Lahad Datu | 0 | 59 | 82 | 0 | 10 | 151 | 755 |
| Ranau | 0 | 18 | 97 | 0 | 6 | 121 | 659 |
| Kota Belud | 0 | 42 | 49 | 0 | 0 | 91 | 426 |
| Keningau | 0 | 45 | 43 | 0 | 0 | 88 | 332 |
| Kota Marudu | 2 | 40 | 39 | 0 | 3 | 84 | 499 |
| Semporna | 0 | 4 | 43 | 0 | 15 | 62 | 215 |
| Kunak | 13 | 20 | 17 | 0 | 0 | 50 | 248 |
| Beaufort | 0 | 30 | 18 | 0 | 0 | 48 | 548 |
| Putatan | 0 | 16 | 30 | 0 | 1 | 47 | 357 |
| Telupid | 0 | 16 | 23 | 0 | 5 | 44 | 157 |
| Kuala Penyu | 0 | 25 | 17 | 0 | 1 | 43 | 278 |
| Sipitang | 0 | 9 | 29 | 0 | 2 | 40 | 141 |
| Kudat | 0 | 7 | 30 | 0 | 2 | 39 | 162 |
| Beluran | 0 | 23 | 9 | 0 | 1 | 33 | 124 |
| Nabawan | 0 | 18 | 10 | 0 | 0 | 28 | 57 |
| Pitas | 0 | 5 | 10 | 0 | 7 | 22 | 47 |
| Kinabatangan | 1 | 6 | 11 | 0 | 1 | 19 | 205 |
| Tenom | 0 | 2 | 16 | 0 | 0 | 18 | 76 |
| Tambunan | 0 | 10 | 6 | 0 | 0 | 16 | 104 |
| Tongod | 0 | 0 | 11 | 0 | 0 | 11 | 32 |
| Kalabakan | 0 | 1 | 4 | 0 | 1 | 6 | 10 |
| **JUMLAH** | **72** | **1,047** | **1,673** | **0** | **177** | **2,969** | **15,880** |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| **Daerah** | **Nama Kluster** | **Jumlah Kes Baharu** |
|---|---|---|
| Kota Kinabalu | Kluster Jalan Pintas Sembulan | 1 |
| | Kluster Jalan Gudon | 5 |
| | Kluster Sutera 2 | 50 |
| Kota Marudu | Kluster Jalan Kebulian | 2 |
| Kunak | Kluster Jalan Getah | 3 |
| | Kluster Jalan Madai 2 | 10 |
| Kinabatangan | Kluster Bukit Garam | 1 |
| **Jumlah** | | **72** |

6 **Terdapat empat (4) kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Sutera 2 - Kota Kinabalu** merupakan jangkitan yang menular di tempat kerja iaitu di salah sebuah tapak pembinaan di Kota Kinabalu. Kes indeks merupakan seorang lelaki bukan warganegara, 33, merupakan kakitangan pengurusan. Kes indeks yang mula bergejala sejak 03 Februari 2022 telah disahkan posItif COVID-19 di Klinik Swasta pada 04 Februari 2022. Saringan terhadap 278 kontak rapat kemudian mendapati 57 lagi kes membabitkan pekerja di tapak berkenaan, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 58 kes, termasuk 50 kes baharu hari ini. Semua kes telah diasingkan dan diberi rawatan selanjutnya.

ii **Kluster Jalan Getah - Kunak** pada hari ini menokok tiga (3) kes baharu, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 22 kes positif COVID-19. Kluster jenis pendidikan ini dikesan melalui kes indeks, pelajar perempuan di sekolah tersebut yang disahkan positif COVID-19 pada 07 Februari 2022, selepas bergejala sejak 06 Februari 2022. Saringan terhadap kontak rapat terdiri dari rakan seasrama berjaya mengesan 19 lagi kes positif. Semua kes dalam kategori ringan, di asingkan dan diberi rawatan sewajarnya.

iii **Kluster Jalan Gudon - Kota Kinabalu** adalah kluster jenis institusi pendidikan yang melibatkan SMK Bandaraya Kota Kinabalu. Kes indeks merupakan seorang pelajar lelaki, 17, yang bergejala sejak 04 Februari 2022, didapati dirinya positif COVID-19 dalam saringan kendiri, sebelum mengesahkannya menerusi ujian RT PCR pada 07 Februari 2022. Saringan kontak rapat yang dijalankan terhadap 143 individu berjaya mengesan 21 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif seramai 22 kes, termasuk lima (5) kes baharu yang dilaporkan hari ini. Semua kes dalam kategori ringan, di asingkan dan diberikan rawatan sewajarnya.

iv **Kluster Madai 2 - Kunak** turut merekodkan pertambahan 10 kes baharu hari ini, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 40 kes. Kluster yang berlaku di SMK Madai dalam daerah Kunak ini dikategorikan sebagai kluster institusi pendidikan. Kes indeks merupakan pelajar perempuan, 13, disahkan positif COVID-19 pada 03 Februari 2022, selepas bergejala sejak 01 Februari 2022. Saringan kontak rapat turut dibuat ke atas rakan seasrama mendapati 39 lagi kes positif. Semua kes dalam kategori ringan, di asingkan dan diberi rawatan sewajarnya.

7 Jumlah kapasiti katil 3,760unit

- Hospital 1,469 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,101 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 57.61%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 10 FEBRUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|---|---|
| Tempatan | 2,923 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 2 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 0 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 44 |
| **Jumlah** | **2,969** |

| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | |
|---|---|
| Jordan | 1 |
| Indonesia | 1 |
| **Jumlah** | **2** |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|---|---|
| Malaysia | 2,815 |
| Bukan Malaysia | 154 |
| **Jumlah** | **2,969** |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|---|---|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 5) | 132 |
| Belum Menerima Vaksin (5-11) | 238 |
| Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun) | 154 |
| Menerima 1 Dos | 0 |
| Lengkap 2 Dos | 1,914 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 531 |
| **Jumlah** | **2,969** |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---|---|
| <1 | 24 |
| 1 to 5 | 108 |
| 6 to 11 | 238 |
| 12 to 17 | 244 |
| 18 to 25 | 476 |
| 26 to 59 | 1,660 |
| >60 | 219 |
| **Jumlah** | **2,969** |

## C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 9 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 10,025. Daripada jumlah ini, seramai 9,833 orang adalah penduduk dewasa, 88 orang adalah penduduk remaja 604 orang adalah penduduk kanak-kanak.

2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 9 Februari 2022 adalah seramai 2,458,997 orang. Ini meliputi 2,117,696 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 77.95% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,411,415 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,098,212 orang atau 76.07% adalah penduduk dewasa.

3 Seramai 337,595 orang atau 77.79% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,203 atau 72.17% orang setakat ini.

4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 3,706 atau 0.85% orang telah menerima 1 dos vaksin.

## D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **681,436** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

1 Sebanyak satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan PDRM di seluruh Sabah.

- Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal sediakan QR/Kod Dan Buku Pendaftaran.

2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 129 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 69 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan di buat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

i Sebanyak 748 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 45 premis perniagaan dan 62 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 310 Premis Perniagaan melibatkan 101 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.

6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 19 premis, melibatkan 11 buah BBP pada hari ini.

7 Sejumlah 100 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.

8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 116 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.4%.** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 | Tenom | 97.5% |
| 2 | Kinabatangan | 97.5% |
| 3 | Tuaran | 97.5% |
| 4 | Beaufort | 97.5% |
| 5 | Sipitang | 97.5% |
| 6 | Kudat | 97.5% |
| 7 | Kota Belud | 97.4% |
| 8 | Beluran | 97.4% |
| 9 | Lahad Datu | 97.4% |
| 10 | Semporna | 97.4% |
| 11 | Keningau | 97.4% |
| 12 | Kota Marudu | 97.4% |
| 13 | Kunak | 97.4% |
| 14 | Papar | 97.3% |
| 15 | Tawau | 97.3% |
| 16 | Kota Kinabalu | 97.3% |
| 17 | Ranau | 97.3% |
| 18 | Sandakan | 97.3% |
| 19 | Penampang | 97.3% |

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

ADDENDUM

**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

Sebagai tambahan kepada Kenyataan Media harian yang selalunya diedarkan pada jam 7 malam, Kenyataan Media ini dikeluarkan untuk menjelaskan perubahan-perubahan dalam SOP yang terkini, yang telah diwartakan pada 10 Februari 2022 dan mulai dikuatkuasakan di seluruh negeri Sabah mulai 11 Februari 2022, seperti berikut:

**Muka Surat 7 dan 8 : Tempoh Kuarantin Penerima Booster**

i Tempoh kuarantin dikurangkan kepada lima (5) hari sahaja bagi mereka yang sudah menerima dos penggalak.

ii Terma untuk menjalani menjalani ujian RT PCR pada hari ke-5 (kuarantin tujuh (7) hari) dan hari ke-8 (kuarantin sepuluh (10) hari) ditiadakan.

iii Definisi baru lengkap divaksin bagi setiap jenis vaksin.

**Muka Surat 16 : Tidak Perlu Semakan Suhu Dan Protokol Umum**

i Semakan suhu ditiadakan (pengimbas suhu tidak diwajibkan).

ii Semakan status pada MySejahtera diwajibkan (hanya pelanggan “Low Risk” termasuk “Casual Close Contact” dibenarkan). Kad vaksinasi dibenarkan.

**Muka Surat 25 : SOP Baru Majlis Kerajaan**

i Majlis rasmi/rasmi kerajaan dan swasta dibenarkan tertakluk 150 peserta atau 50% kapasiti ruang (mana-mana lebih rendah), pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan SOP penganjuran cuma 2 jam sahaja.

ii Individu yang hadir perlu menjalani ujian kit sendiri (saliva) dan hendaklah disaksikan penganjur atau pengesahan dari pengamal perubatan.

**Muka Surat 26 : SOP Baru Majlis Sosial**

i. Majlis perkahwinan, pertunangan dan resepsi:
- Kapasiti adalah maksima 150 orang atau 50% ruang, yang mana lebih kecil; dan dijalankan dalam tempoh maksima 3 jam sahaja;

ii. Majlis akikah, doa selamat, tahlil, ulang tahun, perayaan, hari kelahiran, reunion, retreat dan lain-lain majlis sosial:
- Kapasiti adalah maksima 50 orang atau 50% ruang, yang mana lebih kecil; dan dijalankan dalam tempoh maksima 2 jam sahaja.

**Muka Surat 34 : Penutupan Sekolah**

Semua sekolah dan institusi Pendidikan di bawah KPM dan institusi pendidikan yang berdaftar dengan KPM DIBENARKAN dibuka dengan kemasukan murid/pelajar secara berperingkat tertakluk kepada ketetapan KPM dengan mengambil kira penilaian risiko oleh KKM dan MKN. Sekiranya terdapat kes positif, pembukaan atau penutupan sekolah rendah dan sekolah menengah adalah tertakluk kepada arahan semasa oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS).

Tarikh SOP Baru Berkuatkuasa mulai 11hb Februari 2022 (Jumaat).

Sekian.

#LindungidiriLindungisemua
#KeluargaMalaysia
#SabahMajuJaya

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**11 FEBRUARI 2022**

**LAMPIRAN A**

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawasan Yang Terlibat** | • Seluruh negeri Sabah kecuali lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD. SOP PKPD di lokaliti-lokaliti berkenaan adalah berkuatkuasa sehingga tarikh tamat PKPD berkenaan. |
| **Tempoh Kuat Kuasa** | **Bagi SOP Fasa 4 Negeri Sabah telah bermula sejak 8 November 2021 (mulai 12.01 pagi)** |
| **Kawalan Pergerakan** | • Aktiviti rentas Daerah **DIBENARKAN** dengan syarat berikut:<br>a. Individu **telah lengkap divaksin**;<br>b. Remaja berumur **12 hingga 18 tahun** yang sudah menerima sekurang-kurangnya **satu dos vaksin**;<br>c. Kanak-kanak di **bawah 12 tahun** ditemani oleh **ibubapa/penjaga** yang **telah lengkap divaksin;** dan<br>d. Bagi individu yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, mereka perlu mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar. |

1

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan** | **Pergerakan individu masuk ke Sabah:**<br>**Berdasarkan Ketetapan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan , Jabatan Ketua Menteri Sabah** |

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA 7 FEBRUARI 2022 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.

**PANDUAN KEMASUKAN IMIGRESEN**

| Bil. | Kategori | DIBENARKAN MASUK |
|---|---|---|
| 1 | **Warganegara** | a) Semua individu warganegara Malaysia **dibenarkan masuk ke negeri Sabah bagi tujuan lawatan sosial.**<br>b) Individu **hendaklah** berstatus **lengkap divaksin**.<br>c) **Tidak perlu** melakukan **ujian COVID-19** untuk kemasukan ke Sabah bagi yang telah **lengkap divaksin.**<br>d) Bagi yang **belum divaksin / belum lengkap divaksin / belum menerima vaksin** bagi yang layak (12 tahun ke atas), **perlu** melakukan **ujian COVID-19** di klinik atau makmal yang bertauliah dan menunjukkan slip keputusan ujian **NEGATIF** semasa ketibaan di Pintu Masuk Sabah.<br>e) Remaja berumur 12 hingga 18 tahun yang sudah **menerima sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksin.**<br>f) Kanak-kanak di bawah 12 tahun ditemani oleh **ibu bapa / penjaga** yang **telah lengkap divaksin**.<br>g) Bagi individu yang tidak boleh divaksin atas **sebab kesihatan**, mereka perlu mengemukakan **laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar**. |

**PERINGATAN**

a) **Segala syarat-syarat Pas Lawatan Sosial (PLS) HENDAKLAH dipatuhi sepenuhnya.**
   i. Pas Lawatan Sosial (PLS) **tidak sah untuk pekerjaan** di negeri Sabah.
   ii. Tidak berada di dalam negeri Sabah **melebih tempoh yang telah ditetapkan** dalam Pas Lawatan Sosial (PLS).

b) Semua **warganegara yang bukan berasal dari negeri Sabah** bagi tujuan bekerja di negeri Sabah **HENDAKLAH memiliki Pas Kerja yang sah tempoh**, dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.
   i. Mengemukakan **Pas Kerja** di Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah dengan **SEGERA, setelah masuk ke negeri Sabah**.
   ii. Anggota-anggota perkhidmatan awam Persekutuan yang bertugas di negeri Sabah **HENDAKLAH** mendapatkan **cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63** di pejabat Imigresen Sabah setelah masuk ke negeri Sabah.
   iii. Manakala tanggungan kepada anggota perkhidmatan awam Persekutuan **HENDAKLAH** mendapatkan **cop Seksyen 66(2) Akta Imigresen 1959/63** atau memohon **Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang** di pejabat Imigresen Sabah setelah masuk ke negeri Sabah.

c) **Suami / isteri kepada rakyat Sabah dan tanggungan.**
   i. Memiliki pas-pas jangka panjang Imigresen Malaysia.
   ii. Sekiranya bekerja di negeri Sabah, **HENDAKLAH** memiliki Pas Kerja.

2

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | **Pergerakan individu masuk ke Sabah:**<br>**Berdasarkan Ketetapan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan , Jabatan Ketua Menteri Sabah** |

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA 7 FEBRUARI 2022 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.

**PANDUAN KEMASUKAN IMIGRESEN**

| Bil. | Kategori | Sub-Kategori | DIBENARKAN MASUK | TIDAK DIBENARKAN MASUK |
|---|---|---|---|---|
| 2 | Bukan Warganegara | (a) Isteri/ suami kepada rakyat Sabah dan tanggungan | i. Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah; atau<br>ii. Bukti perkahwinan;<br>iii. Sijil lahir anak/ tanggungan (tidak melebihi 18 tahun) | |
| | | (b) Pemastautin Tetap Sabah (MyPR Sabah) | Memiliki MyPR kod "H" / Kad Permit Masuk / Endosmen Permit Masuk dalam Pasport / Surat Akuan Pengenalan | |
| | | (c) Pemegang Pas Kerja dalam Perkhidmatan Penting (Essential Services) dan tanggungan. | Memiliki **pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh** dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah | **TIDAK** memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah. |
| | | (d) Lawatan pelabur-pelabur atas jemputan Kerajaan Negeri<br>i. Domestik; dan<br>ii. Antarabangsa. | i. Mendapat surat jemputan daripada Kerajaan Negeri Sabah;<br>ii. Memiliki Pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh;<br>iii. Rombongan hendaklah tidak melebihi 10 orang dalam satu kumpulan dan menyertakan jadual / program lawatan;<br>iv. Hendaklah mendapat **kebenaran khas masuk** melalui **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19);**<br>v. **Wajib** memiliki **MyTravelPass** untuk masuk ke Malaysia bagi **kemasukan dari luar negara** – *(rujuk muka surat 5).*<br>vi. Penilaian risiko akan dilaksanakan di pintu masuk Sabah. | **TIDAK** memiliki **Kelulusan Khas Kerajaan Masuk Kerajaan Negeri Sabah** dan **MyTravelPass** (dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia). |
| | | (e) Pas Sementara<br>i. MyKAS Sabah<br>ii. IMM13 Sabah | i. Pas Sementara hendaklah sah tempoh; dan<br>ii. Tempoh perjalanan dinyatakan di dalam Surat Kemudahan Berlepas oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah hendaklah sah tempoh. | i. Pas Sementara tamat tempoh; dan<br>ii. Tempoh perjalanan dalam Surat Kemudahan Berlepas **tamat tempoh.** |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | **Pergerakan individu masuk ke Sabah:**<br>**Berdasarkan Ketetapan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan , Jabatan Ketua Menteri Sabah** |

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA 7 FEBRUARI 2022 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.

**PANDUAN KEMASUKAN IMIGRESEN**

| Bil. | Kategori | Sub-Kategori | DIBENARKAN MASUK | TIDAK DIBENARKAN MASUK |
|---|---|---|---|---|
| 2 | Bukan Warganegara | (f) Program MM2H (Sabah) | Memiliki **Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (MM2H)** yang sah **tempoh** dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah. | **TIDAK** memiliki **Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (MM2H)** yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah. |
| | | (g) Pelajar IPTA / IPTS (Sabah) | **PELAJAR SEDIA ADA:**<br>i. Memiliki **Pas Pelajar sah tempoh** yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.<br>**PELAJAR BAHARU:**<br>**(Berada di dalam Malaysia)**<br>i. Memiliki visa / pas yang sahlaku dari mana-mana pejabat Jabatan Imigresen Malaysia; dan<br>ii. Memiliki surat tawaran dari IPTA / IPTS di Sabah.<br>**(Berada di luar Negara)**<br>i. Memiliki surat kelulusan Pas **Pelajar** yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah bagi Negara yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia; dan<br>ii. Memiliki surat tawaran dari IPTA / IPTS di Sabah.<br>**Semua pelajar** baharu dan sedia ada **WAJIB** lengkap divaksin dan melepasi tempoh keberkesanan sebelum dibenarkan untuk masuk ke Sabah dan untuk masuk / Kembali ke kampus. | **Pelajar sedia ada:**<br>**TIDAK** memiliki **Pas Pelajar** sah tempoh yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.<br>**Pelajar baharu:**<br>i. **TIDAK** memiliki visa / pas yang sahlaku dari mana-mana pejabat Jabatan Imigresen Malaysia.<br>ii. **TIDAK** memiliki surat kelulusan Pas Pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah bagi Negara yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia.<br>iii. **TIDAK** memiliki surat tawaran dari IPTA / IPTS di Sabah. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | **Pergerakan individu masuk ke Sabah:**<br>**Berdasarkan Ketetapan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan , Jabatan Ketua Menteri Sabah** |

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA 7 FEBRUARI 2022 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.

**PANDUAN KEMASUKAN IMIGRESEN**

| Bil. | Kategori | Sub-Kategori | DIBENARKAN MASUK | TIDAK DIBENARKAN MASUK |
|---|---|---|---|---|
| 2 | Bukan Warganegara | (h) Lawatan Sosial | a) Diplomat dan Ekspatriat termasuk tanggungan<br>i. Pemegang **Pas Diplomat (Exemption Order)** / **Pas tanggungan** yang **sah tempoh** dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.<br>ii. Pemegang **Pas Kerja (Kategori I & II sahaja)** / **Pas tanggungan** yang **sah tempoh** dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.<br>iii. Pemegang **Pas Ikhtisas** yang **sah tempoh** dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.<br>iv. Pemegang **Pas Residen** yang **sah tempoh** dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.<br>v. Pemegang **Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (MM2H)** yang **sah tempoh** dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.<br>b) MyPR bukan Sabah<br>i. Pemegang MyPR bukan Sabah / Kad Permit Masuk / Endosmen Permit Masuk dalam Pasport.<br>ii. **WAJIB** mengemukakan Pasport / Surat Akuan Pengenalan semasa pemeriksaan imigresen di pintu masuk Sabah.<br>iii. Tanggungan hendaklah membuktikan perhubungan dan memiliki Pas Imigresen Malaysia yang **sah tempoh**.<br>c) Pas Kerja (Kategori III) dan Pas Pelajar<br>i. Pas Kerja (Kategori III) dan Pas Pelajar yang **sah tempoh** dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.<br>ii. Sertakan **pembuktian tiket pulang balik** kepada pihak imigresen di pintu masuk Sabah.<br>iii. Sertakan **pembuktian tempat tinggal** di Sabah kepada pihak imigresen di pintu masuk Sabah.<br>**d) Pasangan isteri / Suami dan tanggungan kepada rakyat Malaysia (bukan asal Sabah)**<br>i. Pemegang **Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Dependent)** yang **sah tempoh** dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.<br>e) Pembantu Rumah Asing<br>i. **Pas Pembantu Rumah Asing** yang **sah tempoh** dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.<br>ii. **Hendaklah** masuk ke Sabah bersama **majikan** | **TIDAK** mematuhi syarat-syarat Lawatan Sosial dan tidak lepas pemeriksaan imigresen di pintu masuk Sabah.<br>**TIDAK** tersenarai dalam kategori yang dibenarkan masuk atas sub-kategori lawatan sosial.<br>**DASAR-DASAR SEMASA KERAJAAN NEGERI SABAH:**<br>i. **Warganegara Bangladesh** yang tidak memiliki pas-pas imigresen yang **sah tempoh** dikeluarkan oleh **Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.**<br>ii. **Warganegara Nigeria** yang tidak memiliki pas-pas imigresen yang **sah tempoh** dikeluarkan oleh **Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.** |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | **Pergerakan individu masuk ke Sabah:**<br>**Berdasarkan Ketetapan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan , Jabatan Ketua Menteri Sabah** |

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA 7 FEBRUARI 2022 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.

## KESIHATAN:
### PANDUAN KEMASUKAN KE SABAH

**PENGEMBARA DOMESTIK**

**TELAH LENGKAP DIVAKSIN:**

Bagi individu berstatus **"lengkap divaksin"** apabila tiba di Sabah:
a) **Tidak perlu dikuarantin;**
b) **Mengisi eHealth Declaration Form (eHDF) [ https://sm.jknsabah.gov.my/HDF/hdf.php ] sebelum berlepas ke Sabah;**
c) **Sertakan bukti status "lengkap divaksin" semasa penilaian risiko di pintu masuk Sabah; dan**
d) **Tertakluk kepada penilaian risiko oleh petugas kesihatan di pintu masuk Sabah. Sekiranya bergejala, akan diarahkan untuk menjalani saringan ujian COVID-19 dan diberikan arahan Home Surveillance Order (HSO) sehingga keputusan dikeluarkan.**
- Jika keputusan **NEGATIF**, diberi **pelepasan HSO.**
- Jika keputusan **POSITIF**, diuruskan seperti **pengurusan kes positif COVID-19.**

**BELUM DIVAKSIN / BELUM LENGKAP DIVAKSIN / BELUM MENERIMA VAKSIN**

Bagi individu yang **belum divaksin** "atau" **belum lengkap divaksin** "atau" **belum menerima vaksin bagi yang layak (12 tahun ke atas):**
a) **Tidak perlu dikuarantin;**
b) **Keputusan NEGATIF ujian COVID-19 RT-PCR "atau" RTK-Ag [swab / saliva] dan ujian yang dilakukan hendaklah disahkan oleh klinik atau makmal yang melakukan ujian tersebut yang bertauliah dan berdaftar dengan KKM;**
c) **Tempoh sah laku RTK-Ag dan RT-PCR adalah tiga (3) hari selepas pengambilan sampel sebelum masuk ke Sabah;**
d) **Isi eHealth Declaration Form (eHDF) [ https://sm.jknsabah.gov.my/HDF/hdf.php ]; dan**
e) **Tertakluk kepada penilaian risiko oleh petugas kesihatan di pintu masuk Sabah. Sekiranya bergejala, akan diarahkan untuk menjalani saringan ujian COVID-19 dan diberikan arahan Home Surveillance Order (HSO) sehingga keputusan dikeluarkan.**
- Jika keputusan **NEGATIF**, diberi **pelepasan HSO.**
- Jika keputusan **POSITIF**, diuruskan seperti **pengurusan kes positif COVID-19.**

**KANAK-KANAK DI BAWAH 12 TAHUN:**
Status kanak-kanak di bawah 12 tahun semasa kemasukan ke Sabah adalah berdasarkan **status vaksin ibu bapa / penjaga.**

**DEFINASI "LENGKAP DIVAKSIN":**
i. Bagi vaksin 2-Dos (Pfizer / Sinovac / AstraZeneca): **14 hari selepas dos kedua.**
ii. Bagi vaksin 1-Dos (CanSino / Jansen): **28 hari selepas dos pertama.**

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| **Waktu Berkuat kuasa** | 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | **Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | **Pergerakan individu masuk ke Sabah:**<br>**Berdasarkan Ketetapan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan , Jabatan Ketua Menteri Sabah** |

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA 7 FEBRUARI 2022 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.

**KESIHATAN:**
**PANDUAN KEMASUKAN KE SABAH**

**(A) PENGEMBARA ANTARABANGSA**
NEGARA – NEGARA BERISIKO TINGGI

**BERKUATKUASA 7 FEBRUARI 2022 (12:00 PAGI)**

**PEGEMBARA ANTARABANGSA:**

Pengembara yang datang dari **NEGARA - NEGARA BERISIKO TINGGI** atau mempunyai sejarah perjalanan ke negara-negara tersebut dalam tempoh 14 hari sebelum memasuki Sabah:

***NOTA**: Senarai negara-negara berisiko tinggi adalah berdasarkan senarai yang dikemaskini oleh KKM dari semasa ke semasa.*

**SYARAT KEMASUKAN DAN KUARANTIN DI SABAH BAGI PENGEMBARA ANTARABANGSA (KEMASUKAN DARI LUAR NEGARA):**

a) Melakukan ujian pengesanan COVID-19 (RT-PCR) dua (2) hari sebelum berlepas dari negara-negara tersebut;
b) Melakukan ujian RT-PCR semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) pertama ke Malaysia;
c) Menjalani kuarantin wajib selama lima (5) hari untuk mereka yang telah menerima dos penggalak, tujuh (7) hari untuk mereka yang LENGKAP DIVAKSIN (tanpa dos penggalak) atau sepuluh (10) hari bagi yang TIDAK LENGKAP DIVAKSIN atau BELUM DIVAKSIN, di tempat kuarantin yang ditetapkan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Pertama ke Malaysia;
d) TIDAK DIBENARKAN meneruskan perjalanan ke Sabah atau ke destinasi lain di Sabah sehingga lengkap tempoh kuarantin;
e) Mengisi eHealth Declaration Form (eHDF) [ https://sm.jknsabah.gov.my/HDF/hdf.php ] sebelum berlepas ke Sabah; dan
f) Mematuhi sepenuhnya "Panduan Kemasukan Imigresen" ke Sabah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

- Sub-kategori yang tidak tersenarai / tidak dibenarkan masuk **hendaklah** mengemukakan permohonan kepada Jabatan Ketua Menteri melalui Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan untuk **pertimbangan** Kelulusan Khas. Sila layari: https://hednp.sabah.gov.my/

**KANAK-KANAK DI BAWAH 12 TAHUN:**
Status kanak-kanak di bawah 12 tahun semasa kemasukan ke Sabah adalah berdasarkan **status vaksin ibu bapa / penjaga.**

**DEFINASI "LENGKAP DIVAKSIN":**
i. Bagi vaksin 2-Dos (Pfizer / Sinovac / AstraZaneca): **14 hari selepas dos kedua.**
ii. Bagi vaksin 1-Dos (CanSino / Jansen): **28 hari selepas dos pertama.**



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| **Waktu Berkuat kuasa** | 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | **Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | **Pergerakan individu masuk ke Sabah:**<br>**Berdasarkan Ketetapan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan , Jabatan Ketua Menteri Sabah** |

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA 7 FEBRUARI 2022 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.

**KESIHATAN:**
**PANDUAN KEMASUKAN KE SABAH**

**(B) PENGEMBARA ANTARABANGSA**
NEGARA – NEGARA SELAIN NEGARA BERISIKO TINGGI

**BERKUATKUASA 7 FEBRUARI 2022 (12:00 PAGI)**

**PEGEMBARA ANTARABANGSA:**

Pengembara yang datang dari **NEGARA – NEGARA LAIN** atau mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh **14 hari sebelum memasuki Sabah**:

**SYARAT KEMASUKAN DAN KUARANTIN DI SABAH BAGI PENGEMBARA ANTARABANGSA (KEMASUKAN DARI LUAR NEGARA):**

a) Melakukan ujian pengesanan COVID-19 (RT-PCR) dua (2) hari sebelum berlepas dari negara-negara tersebut;
b) Melakukan ujian RT-PCR semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) pertama ke Malaysia dan keputusan disahkan NEGATIF (dalam tempoh tidak melebihi 24 jam) SEBELUM DIBENARKAN untuk meneruskan perjalanan ke Sabah atau ke destinasi lain di Sabah;
c) Menjalani kuarantin wajib selama lima (5) hari untuk mereka yang telah menerima dos penggalak, tujuh (7) hari untuk mereka yang LENGKAP DIVAKSIN (tanpa dos penggalak) atau sepuluh (10) hari bagi yang TIDAK LENGKAP DIVAKSIN atau BELUM DIVAKSIN, di stesen kuarantin yang diwartakan;
d) Kuarantin di rumah adalah TIDAK DIBENARKAN;
e) Mengisi eHealth Declaration Form (eHDF) [ https://sm.jknsabah.gov.my/HDF/hdf.php ] sebelum berlepas ke Sabah; dan
f) Mematuhi sepenuhnya "Panduan Kemasukan Imigresen" ke Sabah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

- Sub-kategori yang tidak tersenarai / tidak dibenarkan masuk **hendaklah** mengemukakan permohonan kepada Jabatan Ketua Menteri melalui Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan untuk **pertimbangan** Kelulusan Khas. Sila layari: https://hednp.sabah.gov.my/

**KANAK-KANAK DI BAWAH 12 TAHUN:**
Status kanak-kanak di bawah 12 tahun semasa kemasukan ke Sabah adalah berdasarkan **status vaksin ibu bapa / penjaga.**

**DEFINASI "LENGKAP DIVAKSIN":**
i. Bagi vaksin 2-Dos (Pfizer / Sinovac / AstraZaneca): **14 hari selepas dos kedua.**
ii. Bagi vaksin 1-Dos (CanSino / Jansen): **28 hari selepas dos pertama.**

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | **Pergerakan individu masuk ke Sabah:** **Berdasarkan Ketetapan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan , Jabatan Ketua Menteri Sabah** |

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA 7 FEBRUARI 2022 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.

### IMIGRESEN : PANDUAN KEMASUKAN KE SABAH

**PROSEDUR KEMASUKAN KE SABAH BAGI WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA:**

1. Semua kemasukan ke negeri Sabah adalah tertakluk kepada SOP sedia ada:

   a) **Mematuhi sepenuhnya "Panduan Kemasukan Imigresen" ke Sabah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.**

   b) Sub-kategori yang tidak tersenarai / tidak dibenarkan masuk **hendaklah** mengemukakan permohonan kepada Jabatan Ketua Menteri melalui Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan untuk **pertimbangan** Kelulusan Khas. Permohonan Kelulusan Khas hanya layak untuk dipertimbangan bagi sub-kategori yang disenaraikan sahaja. Sila layari: https://hednp.sabah.gov.my/

**Nota bagi pengembara antarabangsa** (bukan **warganegara**):
i. Semua pengembara bukan warganegara yang masuk ke Malaysia dari luar negara **HENDAKLAH** mendapatkan **MyTravelPass / MyEntry** melalui Jabatan Imigresen Malaysia terlebih dahulu.
ii. Sila rujuk https://esd.imi.gov.my/portal/latest-news/announcement/myentry-exemption-ep-entering-leaving-returning-malaysia/ bagi kategori yang **DIBENARKAN** masuk ke Malaysia **tanpa perlu mendapatkan kelulusan daripada JIM melalui sistem MyTravelPass / MyEntry.**

**PEMAKLUMAN:**

1. Diplomat yang layak di bawah Perintah Pengecualian (*Exemption Order*) dan tanggungan. Bagi diplomat atau staf kedutaan yang belum mempunyai pas / kemasukan kali pertama, mereka perlu mendapat kelulusan masuk dari Ketua Pengarah Imigresen terlebih dahulu.
2. Anak Kapal (tidak melibatkan sektor Minyak dan Gas) bagi warganegara dan bukan warganegara yang masuk bagi menjalankan aktiviti *sign-on atau joint ship*.
   - Sertakan dokumen-dokumen seperti berikut: MyKad / Pasport, *Seaman Book, Letter of Guarantee* daripada Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah (Bahagian Pelabuhan).


KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
21 RABIULAWAL 1443 HIJRAH / 28 OKTOBER 2021

[illegible]

https://esd.imi.gov.my/portal/latest-news/announcement/myentry-exemption-ep-entering-leaving-returning-malaysia/





**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan |  |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu *(Essential Services)*.

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu *(Essential Services)*
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan (Masuk ke Sabah)** | • Semua **individu yang akan masuk ke Sabah (dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak)** melalui pintu masuk udara, laut dan darat **TIDAK PERLU** menjalani ujian COVID-19.<br><br>• **Pergerakan individu:**<br>a) Individu dari Sabah ke Sarawak dan W.P. Labuan **TERTAKLUK** kepada ketetapan dan syarat kemasukan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri masing-masing;<br>b) Individu dari Sabah ke Semenanjung **TIDAK PERLU** menjalani ujian **RT-PCR** COVID-19 sebelum berlepas dari Sabah (berdasarkan ketetapan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia);<br>c) Individu dari W.P. Labuan ke Sabah **TIDAK PERLU** menjalani ujian COVID 19 RT-PCR atau RTK-Ag; dan<br>d) Kebenaran untuk pergerakan masuk dan keluar negeri Sabah bagi lawatan sosial dan pelancongan **DIBENARKAN** mulai **1 NOVEMBER 2021** dengan syarat berikut:<br>i. Individu **telah lengkap divaksin**;<br>ii. Remaja berumur **12 hingga 18 tahun** yang sudah menerima sekurang-kurangnya **satu dos vaksin**; dan<br>iii. Kanak-kanak **di bawah 12 tahun** ditemani oleh **ibubapa/penjaga** yang **telah lengkap divaksin.** |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu *(Essential Services)*.

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu *(Essential Services)*
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan (Dalam Negeri Sabah)** | • Pergerakan individu dari rumah yang sama dan golongan dewasa **telah lengkap divaksin DIBENARKAN** keluar berdasarkan jumlah kapasiti kenderaan.<br><br>• Hanya **tiga (3) orang** wakil isi rumah bagi individu **BELUM** lengkap divaksin **DIBENARKAN** keluar untuk mendapatkan bekalan makanan, ubat, penokok diet dan keperluan asas serta mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu *(Essential Services)*.

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan (Dalam Negeri Sabah)** | • Perkhidmatan pengangkutan awam adalah **DIBENARKAN** dari jam 5.00 pagi hingga 12.00 malam dengan pematuhan penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut serta pemakaian pelitup muka seperti berikut:<br>(a) Perkhidmatan bas ekspres, bas henti-henti, bas pekerja, bas sekolah, bas pelancongan dan keretapi dengan **kapasiti 75% penumpang**; dan<br>(b) Perkhidmatan teksi / *e-hailing* **maksimum hanya empat (4) orang termasuk pemandu.**<br>• Semua pemandu dan pembantu / petugas pengangkutan awam seperti bas ekspres, bas henti-henti, bas pekerja, bas sekolah, bas pelancongan, keretapi, teksi serta *e-hailing* hendaklah **telah lengkap divaksin**.<br>• Semua penumpang juga hendaklah **telah lengkap divaksin** dan berstatus risiko rendah COVID-19 pada aplikasi MySejahtera. |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu *(Essential Services)*.

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu *(Essential Services)*
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan di Laut** | • Pergerakan keluar bot-bot kecil dari pulau-pulau di negeri Sabah ke tanah besar termasuk pergerakan bot-bot di kawasan pesisiran pantai hanya **DIBENARKAN** dengan 50% kapasiti mulai jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam sahaja (perairan ESSZONE adalah tertakluk kepada waktu perintah berkurung yang dikuatkuasakan).<br>• Bagi bot - bot nelayan di perairan ESSZONE yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan hanya **DIBENARKAN** dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang (hanya di jeti-jeti yang dibenarkan sahaja). Kebenaran ini tertakluk kepada permit yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Daerah berkenaan.<br>• Pergerakan kapal *Non-Convention Ships* (NCS) Indonesia dan Filipina yang memasuki perairan ESSZONE, Sabah, Malaysia dan semua Kapal NCS Malaysia dari perairan ESSZONE ke Filipina dan Indonesia bagi aktiviti *barter trade* dan *transhipment* adalah **DIBENARKAN** dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang.<br>• Kapal pengangkut ikan Indonesia ke Tawau adalah **DIBENARKAN** dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan di Laut | • Operasi aktiviti perikanan di Sabah adalah seperti berikut:<br>i. Aktiviti bagi nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Sabah dalam kawasan ESSZONE di jeti yang dibenarkan tertakluk permit yang dikeluarkan oleh ketua Polis Daerah berkenaan **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang;<br>ii. Aktiviti di Kompleks SAFMA, Kota Kinabalu **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 11.00 malam hingga 7.00 malam; dan<br>iii. Aktiviti bagi nelayan pesisir pantai, laut dalam dan akuakultur KECUALI di kawasan ESSZONE **DIBENARKAN** beroperasi 24 jam.<br>• Pergerakan perkhidmatan feri/bot komersil seperti berikut Feri Penumpang, Bot Penumpang dan Feri Kenderaan (*Roro ferry*) adalah **DIBENARKAN** beroperasi dengan 75% kapasiti penumpang. Bagi Feri Kenderaan, muatan kenderaan adalah mengikut kapasiti sebenar feri berkenaan. Masa operasi adalah dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam. |



PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
BAGI SELURUH NEGERI SABAH
TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Protokol Kesihatan Umum | • Pemegang lesen dan pemilik premis **DIWAJIBKAN** menyediakan kemudahan *QR code* MySejahtera. Penggunaan aplikasi MySejahtera **DIWAJIBKAN**. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan dibolehkan bagi kawasan yang tidak mempunyai liputan internet atau alasan lain yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan seumpamanya). Individu yang tidak memakai pelitup muka adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki premis.<br>• Pemegang lesen dan pemilik premis perlu memastikan pelanggan check in premis menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama, no. kad pengenalan dan no. telefon sekiranya tiada liputan internet.<br>• Individu yang bergejala adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki premis.<br>• Pihak pemilik premis perlu memastikan hanya pelanggan tanpa gejala dengan status "Low Risk" termasuk "Casual Contact Low Risk" dalam MySejahtera **DIBENARKAN** masuk ke premis masing-masing. Kad vaksinasi COVID-19 juga boleh digunakan untuk menunjukkan status vaksinasi sekiranya tiada MySejahtera.<br>• Majikan, pekerja, pelanggan dan pengunjung **DIWAJIBKAN** check-in premis menggunakan MySejahtera sebelum memasuki premis termasuk pejabat Kerajaan, swasta dan persendirian.<br>• Pemilik premis perlu memastikan kawalan keluar dan masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal 1 meter, menyediakan *hand sanitizer* atau tempat mencuci tangan dan menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dalam sesuatu masa serta memaparkan jumlah maksimum pelanggan yang berada dalam premis. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Protokol Kesihatan Umum** | • Pemilik-pemilik premis perniagaan **DIKEHENDAKI** untuk mempamerkan SOP COVID-19 di premis perniagaan mereka. Mana-mana premis yang mempunyai peralatan hebahan (sistem PA) perlu memberi peringatan berkala kepada pelanggan mereka untuk sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan.<br><br>• Pihak Berkuasa Tempatan akan membekalkan poster ke setiap premis untuk dipamerkan. Poster ini mengandungi nombor telefon aduan yang boleh dihubungi oleh orang awam jika berlaku ketidakpatuhan SOP.<br><br>• Pihak penguatkuasa akan sentiasa membuat rondaan bagi memastikan SOP dipatuhi sepenuhnya.<br><br>• Bagi premis yang disyaratkan hanya pekerja dan pelanggan yang **telah lengkap divaksin** memasuki premis berkenaan, pemilik premis perlu memastikan individu yang ingin memasuki premis **MESTI** menunjukkan Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan **telah lengkap divaksin** dan berstatus risiko rendah COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera. |



PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
BAGI SELURUH NEGERI SABAH
TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

Aktiviti Dibenarkan
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

Aktiviti Tidak Dibenarkan
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Vaksinasi Lengkap | • Individu yang **telah lengkap divaksin** adalah individu memenuhi kriteria berikut:<br><br>i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan **dua (2) dos suntikan** (seperti *Cormirnaty (Pfizer-BioNTech)*, COVID-19 *AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca)*, *CoronaVac (Sinovac)*, *Spikevax (Moderna)* dan *Covilo (Sinopharm))*, individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau<br><br>ii. Bagi jenis vaksin yang memerlukan **satu (1) dos suntikan** (seperti COVID-19 *Janssen (Johnson & Johnson)* dan ***Convidecia (CanSino))***, individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.<br><br>• Bagi individu yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, mereka perlu mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti Pekerjaan | • Pergerakan kenderaan jabatan Kerajaan atau syarikat swasta adalah **DIBENARKAN** tertakluk kepada kapasiti tempat duduk kenderaan, lesen (kenderaan syarikat swasta) dan pematuhan SOP.<br>• Had jumlah pekerja yang bertugas seperti berikut:<br>i. Sektor Awam Persekutuan – Kapasiti kehadiran 100%;<br>ii. Sektor Awam Negeri – Kapasiti pekerja adalah mengikut peratusan pekerja yang telah lengkap divaksin dan tertakluk kepada ketetapan oleh Pihak Berkuasa Negeri;<br>iii. Sektor Swasta – Kapasiti pekerja adalah mengikut peratusan pekerja yang telah lengkap divaksin; dan<br>iv. Sektor Pembinaan, Pembuatan, Perlombongann dan Perkuarian (*essential* dan *non essential*) – Kapasiti pekerja adalah mengikut peratusan pekerja yang telah lengkap divaksin. |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services) .

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti Dalam Kawasan PPN | • Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang, pelabuhan dan sektor logistik **DIBENARKAN** beroperasi 24 jam dengan pematuhan SOP sedia ada.<br>• Kegiatan berkaitan sektor ekonomi perkhidmatan perlu (*essential services*) dan rantaiannya merangkumi pertanian, perikanan, penternakan, perladangan, industri dan perniagaan adalah **DIBENARKAN** beroperasi dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.<br>• Restoran (termasuk restoran dalam premis hotel), *café*, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (*food truck*), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan atau kiosk **DIBENARKAN** beroperasi antara jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.<br>• Semua pelanggan dan pekerja *Supermarket, Hypermarket,* Agensi Nombor Ramalan dan Kelab Lumba Kuda berlesen yang **telah lengkap divaksin** dan berstatus risiko rendah COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera sahaja **DIBENARKAN** memasuki premis.<br>• Operasi kedai minuman keras **DIBENARKAN** dengan syarat pekerja **telah lengkap divaksin.** Walau bagaimanapun kelab malam, pub dan pusat karaoke **TIDAK DIBENARKAN.** |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services) .

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PPN** | • Semua premis makanan hanya **DIBENARKAN** untuk menjual makanan atau aktiviti *Dine-in* sahaja. Sebarang aktiviti tertakluk kepada pematuhan SOP seperti berikut:<br>i. Pemilik premis makanan perlu memastikan pelanggan dan pekerja yang telah **lengkap divaksin** dan berstatus risiko rendah COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera **DIBENARKAN** memasuki premis;<br>ii. Kapasiti **50%** setiap meja dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter;<br>iii. Susun atur meja **DIBENARKAN** di dalam premis dan ruang legar/kaki lima dengan syarat penggunaan ruang legar/kaki lima HENDAKLAH mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);<br>iv. Hidangan secara bufet **DIBENARKAN** dengan syarat sarung tangan plastik (jenis pakai buang) disediakan untuk semua pelanggan;<br>v. Hidangan yang dipesan **HENDAKLAH** dihantar dan dihidang oleh kakitangan restoran di meja pelanggan; |



PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
BAGI SELURUH NEGERI SABAH
TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

Aktiviti Dibenarkan
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services) .

Aktiviti Tidak Dibenarkan
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PPN** | vi. Kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun **TIDAK DIGALAKKAN.** Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 18 tahun dan ke bawah untuk *dine-in* di premis tersebut;<br>vii. Aktiviti seperti Bar, KTV dan hiburan adalah tidak termasuk dalam kategori ini dan **TIDAK DIBENARKAN**; dan<br>viii. Semua individu **HENDAKLAH** mematuhi SOP dengan mengamalkan pendekatan 3W (*Wash, Wear & Warn*) dan mengelakkan 3C (*Crowded place, Confined space & Close conversation*).<br>• Kanak-kanak di **bawah 12 tahun DIBENARKAN** *dine-in* di restoran, masuk ke premis perniagaan termasuk *mall*, perhotelan (penggunaan fasiliti seperti kolam renang), aktiviti perkelahan dan perkhemahan sekiranya ditemani oleh **ibubapa/penjaga** yang **telah lengkap divaksin.**<br>• Remaja berumur **12 hingga 18 tahun** yang sudah menerima sekurang-kurangnya **satu dos vaksin DIBENARKAN** *dine-in* di restoran, masuk ke premis perniagaan termasuk *mall*, perhotelan (penggunaan fasiliti seperti kolam renang), aktiviti perkelahan dan perkhemahan. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
### TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| **Waktu Berkuat kuasa** | 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PPN** | • Kedai runcit, kedai serbaneka (*convenience store*), pasaraya mini (*mini market*) dan pasaraya (*hypermarket*) **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam.<br>• Kompleks membeli belah (hanya sub sektor yang telah dibenarkan beroperasi) **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam. Penggunaan *fitting room* **DIBENARKAN.**<br>• Stesen minyak termasuk kedai serbaneka di stesen minyak **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 5.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.<br>• Pasar borong, pasar awam, pasar tamu, pasar tani, pasar malam dan pasar mingguan **DIBENARKAN** tertakluk kepada penilaian risiko dan ketetapan waktu beroperasi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan pematuhan SOP dan pengawasan anggota RELA atau PBT berkenaan. Penjaja / operator termasuk pengunjung hendaklah **telah lengkap divaksin** dan berstatus risiko rendah COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera.<br>• Operasi kafe siber dan pusat siber **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam dengan 50% kapasiti tertakluk kepada kelulusan PBT. |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
### TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| **Waktu Berkuat kuasa** | 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Perkhidmatan Perubatan/ Kesihatan** | • Waktu operasi klinik dan hospital Kerajaan dan swasta **DIBENARKAN** beroperasi secara 24 jam atau mengikut waktu yang ditetapkan oleh Kerajaan. Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 6.00 pagi hingga 10.00 malam. |
| **Perlaksanaan Sistem HIDE** | • Pemilik premis, aktiviti atau program yang disenaraikan dalam senarai *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) hendaklah mengambil tindakan intervensi iaitu melaksanakan sanitasi premis, meningkatkan kawalan dan pemantauan pematuhan pelanggan dan melaksanakan penutupan premis jika diarahkan oleh Pegawai Kesihatan Daerah selepas penilaian risiko dijalankan. |
| **Mesyuarat / Latihan** | • Mesyuarat, bengkel, kursus, seminar dan seumpamanya secara bersemuka **DIBENARKAN** kepada individu yang **telah lengkap divaksin** yang mematuhi 50% kapasiti bilik mesyuarat. Mesyuarat secara atas talian (*video conferencing*) adalah digalakkan.<br>• Latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan dalam kawasan latihan menerusi kaedah *Camp Based Training*.<br>• Temuduga kritikal yang perlu dilaksanakan **DIBENARKAN** secara bersemuka dan dalam talian dengan pematuhan SOP yang ketat. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4 BAGI SELURUH NEGERI SABAH

## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Majlis Kerajaan / Swasta** | • Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan serta swasta termasuklah perasmian majlis bengkel **DIBENARKAN** tertakluk kepada maksima **150 orang atau 1/3 kapasiti** ruang premis (mana-mana yang lebih rendah) dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan mengikut SOP penganjuran majlis Kerajaan dan swasta serta dijalankan dalam **tempoh 2 jam sahaja.**<br><br>• Individu yang hadir perlu menjalani *pre-event test* menggunakan kit ujian kendiri (*saliva*) sebelum hadir dengan disaksikan oleh penganjur atau pengesahan daripada pengamal perubatan.<br><br>• Pameran dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE) secara bersemuka **DIBENARKAN** dengan syarat semua yang hadir **telah lengkap divaksin** dan **kapasiti 50% ruang premis.** |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4 BAGI SELURUH NEGERI SABAH

## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Majlis Sosial** | **MAJLIS PERKAHWINAN / PERTUNANGAN & RESEPSI**<br><br>• Majlis **DIBENARKAN** tertakluk kepada maksima **150 orang atau 50% kapasiti** ruang premis (mana-mana yang lebih rendah) dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan mengikut SOP penganjuran majlis sosial serta dijalankan dalam **tempoh 3 jam sahaja.**<br>• Aktiviti hiburan seperti karaoke dan tarian yang melibatkan penglibatan tetamu jemputan **TIDAK DIBENARKAN.**<br><br>**MAJLIS AKIKAH, DOA SELAMAT, TAHLIL, SAMBUTAN ULANG TAHUN, SAMBUTAN PERAYAAN, HARI KELAHIRAN, *REUNION*, *RETREAT* DAN LAIN-LAIN MAJLIS SOSIAL**<br><br>• Majlis **DIBENARKAN** tertakluk kepada maksima **50 orang atau 50% kapasiti** ruang premis (mana-mana yang lebih rendah) dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan mengikut SOP penganjuran majlis sosial serta dijalankan dalam **tempoh 2 jam sahaja.**<br>• Aktiviti beramai-ramai melibatkan tetamu jemputan tanpa penjarakan fizikal **TIDAK DIBENARKAN** – contoh meniup lilin hari kelahiran, tarian dan sebagainya. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Sukan dan Rekreasi** | • Semua aktiviti sukan dan rekreasi secara individu tidak bersentuhan fizikal seperti jogging, senaman, taichi, memancing, berbasikal, golf, ekuestrian, memanah, tenis / badminton (*single/double*), sukan menembak, permotoran dan lain-lain di kawasan terbuka bagi tujuan kesihatan, kecergasan dan kemahiran kendiri dan bukan untuk tujuan pertandingan **DIBENARKAN** dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 hingga 3 meter.<br>• Semua aktiviti rekreasi air seperti renang, kayak, *scuba diving, snorkeling, sea walking, jet skiing* dan seumpamanya secara individu adalah **DIBENARKAN** dengan syarat individu **telah lengkap vaksin** dan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 hingga 3 meter.<br>• Aktiviti kolam memancing, perkelahan dan perhemahan **DIBENARKAN** dengan syarat individu **telah lengkap divaksin** dengan mematuhi 50% kapasiti.<br>• Tempoh masa aktiviti dilakukan bermula 6.00 pagi sehingga 10.00 malam. |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Sukan dan Rekreasi** | • Aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal melibatkan pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi terbuka (*outdoor*), tertutup (*indoor*) dan separa terbuka **DIBENARKAN** kepada individu **telah lengkap divaksin.**<br>• Aktiviti sukan dan rekreasi sukan bersentuhan fizikal berpasukan seperti bola sepak, bola tampar, takraw dan lain-lain adalah **DIBENARKAN** mengikut kapasiti penuh sukan tersebut dan terhad kepada individu **telah lengkap divaksin** dan kawalan penyeliaan sepenuhnya.<br>• Aktiviti kecergasan individu seperti senamrobik, Zumba dan seumpamanya yang dilakukan secara individu / berkumpulan di gimnasium atau pusat kecergasan yang sama dengan mematuhi 50% kapasiti adalah **DIBENARKAN** dengan syarat jurulatih dan peserta **telah lengkap divaksin.**<br>• Aktiviti *hiking* **DIBENARKAN** kepada individu **telah lengkap divaksin** yang dilakukan secara individu atau berkumpulan yang mematuhi 50% kapasiti kawasan. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Pengoperasian Fasiliti Sukan** | • Program Latihan Berpusat oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Sukan Negeri secara '*Camp Quarantine*' **DIBENARKAN**.<br><br>• Pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi komersial *(indoor/outdoor)* dan separa terbuka termasuk kolam renang / premis sukan & rekreasi air komersial **DIBENARKAN** dengan pematuhan kepada 60% kapasiti penggunaan / kawasan dengan kawalan penyeliaan. Manakala pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi awam *(indoor/outdoor)* dan separa terbuka termasuk kolam renang / premis sukan & rekreasi air awam adalah **TERTAKLUK** kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).<br><br>• Penggunaan secara tempahan sahaja (tidak dibenarkan *walk-in*) dan kawalan selia oleh pemilik premis. Masa operasi bagi semua fasiliti sukan dan rekreasi adalah bermula 6.00 pagi hingga 10.00 malam atau mengikut ketetapan masa operasi premis oleh Kerajaan. Pemilik premis perlu memastikan semua pekerja dan pelanggan **telah lengkap divaksin** dan berstatus risiko rendah COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera.<br><br>• Operasi bilik persalinan, bilik mandi dan bilik solat di premis *club house* adalah **DIBENARKAN** dengan kapasiti 50% ruang bilik. |



PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
BAGI SELURUH NEGERI SABAH
TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

Aktiviti Dibenarkan
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

Aktiviti Tidak Dibenarkan
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Pengoperasian Fasiliti Sukan** | • Kehadiran penonton / penyokong ke tempat perlawanan sukan dan rekreasi **DIBENARKAN** kepada 50% kapasiti kawasan. Kehadiran ini meliputi sebelum, semasa dan selepas acara sukan serta rekreasi dengan syarat, penonton / penyokong **telah lengkap divaksin**, memakai pelitup muka sepanjang perlawanan serta tiada aktiviti makan minum sepanjang berada di stadium. **TERHAD** bagi individu yang berumur 18 tahun dan ke atas sahaja dan kanak-kanak bawah umur 18 tahun **TIDAK DIBENARKAN.**<br><br>• Kanak-kanak di **bawah 12 tahun** yang ditemani oleh **ibubapa** yang **telah lengkap divaksin** dan remaja berumur **12 hingga 18 tahun** yang sudah menerima sekurang-kurangnya **satu dos vaksin DIBENARKAN** menggunakan fasiliti sukan.<br><br>• Penganjuran kejohanan / pertandingan / acara sukan massa **DIBENARKAN** dengan kebenaran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) **TERHAD** dengan penyertaan tidak melebihi 250 orang dan **telah lengkap divaksin.** Tempoh masa aktiviti dilakukan bermula 6.00 pagi sehingga 8.00 malam. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan** | • Operasi hotel dan penginapan **DIBENARKAN** bagi tujuan kuarantin, pengasingan dan pekerjaan bagi perkhidmatan perlu. Pelanggan perlu berada dalam bilik penginapan dan tempahan makanan secara *room service*.<br>• Bagi tujuan pelancongan domestik, operasi hotel dan penginapan **DIBENARKAN** dengan syarat pelanggan, pengusaha pelancongan dan pekerja hotel/ *homestay* **telah lengkap divaksin** dan berstatus risiko rendah COVID-19 pada aplikasi MySejahtera.<br>• Aktiviti seperti penggunaan kemudahan penginapan seperti sauna dan jakuzi adalah **DIBENARKAN** dengan kapasiti 50% ruang.<br>• Kanak-kanak di **bawah 12 tahun** yang ditemani oleh **ibubapa/penjaga** yang **telah lengkap divaksin** dan remaja berumur **12 hingga 18 tahun** yang sudah menerima sekurang-kurangnya **satu dos vaksin DIBENARKAN** menggunakan fasiliti hotel seperti kolam renang. |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan** | • Aktiviti kapal persiaran domestik di dalam perairan negeri Sabah **DIBENARKAN** dengan 50% kapasiti dengan syarat semua anak kapal/pekerja dan penumpang **telah lengkap divaksin**. Aktiviti kelab malam dan pub tidak dibenarkan.<br>• Pusat/premis/produk pelancongan seperti zoo, *farms*, akuarium, pusat *edutainment*, *extreme*, *adventure*, pelancongan memancing dan taman rimba **DIBENARKAN** beroperasi dengan syarat semua pengusaha/operator dan pengunjung **telah lengkap divaksin.**<br>• Taman Tema, Pusat Hiburan Keluarga, *indoor playground*, karaoke keluarga dan permainan mesin kanak-kanak **DIBENARKAN** beroperasi dengan syarat semua pengusaha/operator dan pengunjung **telah lengkap divaksin.** |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Keagamaan** | • Aktiviti di masjid, surau dan ziarah kubur **DIBENARKAN** tertakluk kepada ketetapan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah.<br>• Aktiviti dan upacara di Rumah Ibadat Bukan Islam **DIBENARKAN** tertakluk kepada ketetapan oleh Pihak Berkuasa Negeri.<br>• Pengurusan kematian dan penghormatan terakhir **orang bukan Islam DIBENARKAN** di rumah kediaman tidak melebihi tiga (3) hari sebelum pengebumian **TERTAKLUK** kepada SOP khusus oleh Pihak Berkuasa Negeri.<br>• Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.<br><br>**Notis mengenai kewajipan membawa peralatan sendiri hendaklah dipamerkan di semua premis ibadat. Larangan pengkongsian peralatan sembahyang di premis - premis ibadat adalah bagi membendung penularan COVID-19.** |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Institusi Pendidikan** | • Semua Institut Latihan Kemahiran, sekolah selain di bawah KPM, pusat tahfiz dan institusi-institusi pendidikan lain **DIBENARKAN** dan adalah tertakluk kepada Kementerian / Agensi yang berkaitan.<br>• Semua sekolah dan institusi Pendidikan di bawah KPM dan institusi pendidikan yang berdaftar dengan KPM **DIBENARKAN** dibuka dengan kemasukan murid/pelajar secara berperingkat tertakluk kepada ketetapan KPM dengan mengambil kira penilaian risiko oleh KKM dan MKN. Sekiranya terdapat kes positif, pembukaan atau penutupan sekolah rendah dan sekolah menengah adalah tertakluk kepada arahan semasa oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS).<br>• Pembukaan sektor latihan kemahiran dan pusat latihan industri termasuk kolej vokasional, TVET dan sebagainya **DIBENARKAN** dengan mematuhi SOP selaras dengan pembukaan Institut Pengajian Tinggi (IPT). |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Institusi Pendidikan** | • Semua IPT di bawah kawal selia KPT dibuka secara berperingkat kepada pelajar yang **telah lengkap divaksin** dan melepasi tempoh keberkesanan selepas lengkap vaksinasi, namun kemasukan sebenar adalah tertakluk kepada kapasiti IPT.<br>• Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di IPT secara bersemuka/berkumpulan/berkelompok adalah **DIBENARKAN** bagi pelajar yang **telah lengkap divaksin** dan melepasi tempoh keberkesanan selepas divaksinasi dengan mematuhi SOP yang ketat. Mod PdP secara hibrid akan dilaksanakan bagi pelajar yang berada di kampus. Mod PdP secara dalam talian akan diteruskan bagi pelajar yang belum kembali ke kampus.<br>• Peperiksaan antarabangsa dan badan profesional serta aktiviti penyelidikan yang memerlukan kemudahan makmal di IPT **DIBENARKAN** mengikut SOP IPT berkenaan dan pergerakan perlu disertai dengan pengesahan. |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Institut Latihan** | • Institut Latihan Pemanduan (ILP) kenderaan bermotor **DIBENARKAN** beroperasi secara janji temu. Ujian pemanduan untuk mendapatkan lesen memandu kenderaan bermotor **DIBENARKAN** untuk dijalankan.<br>• Pusat Latihan Maritim dan Pusat Latihan Penerbangan (udara) dan darat **DIBENARKAN** beroperasi.<br>• Semua pekerja, tenaga pengajar dan calon **telah lengkap divaksin.**<br>• Syarikat pengendali hanya dibenarkan beroperasi dengan kapasiti pekerja 80% yang **telah lengkap divaksin.** |
| **Aktiviti Sektor Pertanian, Perikanan, Penternakan dan Perladangan Komoditi** | • Sektor Pertanian, Penternakan, dan Perladangan Komoditi **DIBENARKAN** beroperasi.<br>• Sektor Perikanan **DIBENARKAN** beroperasi namun tertakluk kepada arahan Kawalan Pergerakan di Laut dan mana-mana arahan lain yang sedang berkuatkuasa. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Pusat jagaan berkediamaan atau pusat rehabilitasi bagi kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, wanita dan pusat penjagaan** | • Pusat jagaan kanak-kanak dan Taska di bawah Pihak Berkuasa Negeri **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam dengan 50% kapasiti tertakluk kepada keluasan lantai dan mengambil kira penjarakan fizikal 1 meter.<br>• Tabika, Tadika Swasta, tadika di sekolah swasta, antarabangsa dan ekspatriat serta pusat perkembangan minda bagi kanak-kanak **DIBENARKAN** beroperasi mengikut SOP yang telah ditetapkan.<br>• Institusi Pendidikan Swasta (IPS) di bawah KPM **DIBENARKAN** beroperasi **TERTAKLUK** kepada arahan semasa oleh KPM.<br>• Kelas tuisyen, kelas muzik, kelas tarian, kelas seni, kelas mengaji berbayar, kelas bahasa berbayar dan sebagainya **DIBENARKAN** beroperasi secara bersemuka dengan penggiliran serta 50% kapasiti kelas.<br>• Pusat jagaan harian bagi Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, wanita dan Pusat Jagaan Pelbagai **DIBENARKAN** beroperasi.<br>• Operator dan semua pekerja di semua pusat ini perlu **telah lengkap divaksin.** |




## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**


| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Industri Kreatif** | • Pembangunan dan penyiaran kandungan kreatif secara rakaman atau siaran langsung **DIBENARKAN** dengan syarat pekerja **telah lengkap divaksin.**<br>• Penyiaran secara rakaman atau siaran langsung berbentuk penyampaian maklumat dan hiburan **DIBENARKAN** dengan kehadiran penonton yang **telah lengkap divaksin** dengan kapasiti penonton 50% ruang studio agensi dan syarikat penyiaran sahaja.<br>• Penggambaran industri kreatif di dalam dan di luar studio **DIBENARKAN** kepada individu yang **telah lengkap divaksin.**<br>• *Indoor / outdoor busking* dan persembahan di *lounge* hotel **DIBENARKAN** kepada individu yang **telah lengkap divaksin.**<br>• Aktiviti pameran seni di dewan pameran, muzium dan galeri seni (secara temujanji) **DIBENARKAN** dengan pekerja dan pengunjung yang **telah lengkap divaksin** dengan kapasiti 50% ruang premis.<br>• Aktiviti panggung wayang **DIBENARKAN** dengan syarat pekerja dan penonton **telah lengkap divaksin** dan berstatus risiko rendah COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera dengan kapasiti 70% dewan tayangan pawagam. |

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Operasi Spa, Refleksologi, Pusat Urut, *Wellness* Dan Perkhidmatan *Pedicure Dan Manicure*** | • Operasi perniagaan spa, salun kecantikan, refleksologi, pusat kesihatan (*wellness*), urut kesihatan dan perkhidmatan *pedicure dan manicure* **DIBENARKAN** beroperasi antara jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam kepada pengunjung dan operator yang **telah lengkap divaksin**.<br>• Pekerja dan pelanggan mestilah mempunyai vaksin lengkap, bukan kes positif COVID-19, bukan kontak rapat kepada kes positif dan tidak bergejala.<br>• Hanya membenarkan pelanggan yang ada temujanji sahaja. ***Walk-in* TIDAK DIBENARKAN**.<br>• Memakai sarung tangan (jenis pakai buang), pelitup muka, dan *face shield* semasa menjalankan aktiviti.<br>• Menggantikan (termasuk sarung tangan, alas katil atau tilam atau kerusi) dan menyuci hama peralatan termasuk *face shield)* bagi setiap pelanggan.<br>• Memastikan sistem pengudaraan premis diselenggara mengikut jadual. |



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)**

**AKTIVITI EKONOMI (PERKHIDMATAN PERLU)**
**Masa operasi: Mengikut kelulusan lesen oleh pihak berwajib**
**Kapasiti pekerja : Mengikut peratusan pekerja yang telah lengkap divaksin**

1. Makanan dan minuman termasuk untuk haiwan;
2. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet, penjagaan dan klinik haiwan serta perkhidmatan *veterinary*;
3. Air;
4. Tenaga;
5. Keselamatan (*security and safety* dan beroperasi 24 jam), pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan manusia;
6. Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan pembentungan;
7. Pengangkutan melalui darat, air atau udara;
8. Perkhidmatan dan pengusahaan Pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggahan, pengangkutan laiter, pengendalian kargo dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemukalan komoditi;
9. Komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran (bagi tujuan penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya sahaja);
10. Perbankan, insuran, takaful dan pasaran modal;

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)**

**AKTIVITI EKONOMI (PERKHIDMATAN PERLU)**
**Masa operasi: Mengikut kelulusan lesen oleh pihak berwajib**
**Kapasiti pekerja : Mengikut peratusan pekerja yang telah lengkap divaksin**

11. Kredit komuniti (pajak gadai dan Ar-rahnu);
12. E-dagang dan teknologi maklumat;
13. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan, serta pengagihan bahan api dan pelincir,
14. Pembinaan, Penyelenggaraan dan pembaikan kritikal;
15. Perkhidmatan perhutanan (terhad kepada penguatkuasaan) dan hidupan liar;
16. Logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu; dan
17. Perkhidmatan profesional (termasuk perundangan dan kehakiman/ guaman dan pesuruhjaya sumpah/ akauntan/ auditor/ jurutera/ arkitek/ juruukur berlesen/ juruukur bahan/ jurunilai dan *property management*/ perancang bandar, saintifik (termasuk R&D) dan teknikal (termasuk pengurusan penyelenggaraan bangunan); dan
18. Agensi Nombor Ramalan dan Kelab Lumba Kuda yang berlesen.



PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
BAGI SELURUH NEGERI SABAH
TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)**

**PEMBUATAN DAN PENGILANGAN**
**Masa operasi: Mengikut kelulusan lesen oleh pihak berwajib**
**Kapasiti pekerja : Mengikut peratusan pekerja yang telah lengkap divaksin**

1. Aeroangkasa (komponen dan *maintenance, repair and overhaul* – MRO);
2. Pembuatan dan kilang makanan dan minuman;
3. Bahan pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan bahan makanan dan kesihatan;
4. Barang-barang dan penjagaan diri, dan bahan pencuci;
5. Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet;
6. Barang penjagaan diri, peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran;
7. Komponen bagi peranti perubatan;
8. Elektrik dan Elektronik (kepentingan rantaian ekonomi global);
9. Minyak dan gas (*Oil and Gas*) termasuk petrokimia dan produk petrokimia;
10. Mesin dan peralatan hanya berkaitan kesihatan dan makanan sahaja;

**PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4**
**BAGI SELURUH NEGERI SABAH**
**TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022**

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)**

## PEMBUATAN DAN PENGILANGAN

**Masa operasi: Mengikut kelulusan lesen oleh pihak berwajib**
**Kapasiti pekerja : Mengikut peratusan pekerja yang telah lengkap divaksin**

11. Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja;
12. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir;
13. Automotif (kenderaan dan komponen);
14. Mesin dan peralatan;
15. Seramik (seramik sebagai acuan bagi pembuatan sarung tangan);
16. Besi, keluli, logam, plastik dan getah;
17. Simen dan cat;
18. Kilang berasaskan kayu, kenaf dan perabot; dan
19. Operasi kilang dan kedai minuman keras.



**PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4**
**BAGI SELURUH NEGERI SABAH**
**TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022**

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)**

## PERTANIAN, PERIKANAN, PENTERNAKAN & PERLADANGAN KOMODITI

**Masa operasi: Mengikut kelulusan lesen oleh pihak berwajib**
**Kapasiti pekerja : Mengikut peratusan pekerja yang telah lengkap divaksin**

1. Sektor pertanian, perikanan, penternakan dan perladangan komoditi (kelapa sawit, getah, lada dan koko) serta aktiviti rantaiannya (contohnya kedai yang menjual baja dan racun/kilang memproses buah sawit; dan
2. Sektor perikanan namun tertakluk kepada arahan Kawalan Pergerakan di Laut dan mana-mana arahan lain yang sedang berkuatkuasa.

## PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN

**Masa operasi: Mengikut kelulusan lesen oleh pihak berwajib**
**Kapasiti pekerja : Mengikut peratusan pekerja yang telah lengkap divaksin**

1. Pembekalan mineral, termasuk bahan batuan, pasir, silika, bata dan simen daripada simpanan stok (*stockpile*) dan pengoperasian lombong dan kuari;
2. Eksplorasi mineral, termasuk bahan batuan, pasir dan tanah liat;
3. Pergerakan mineral, termasuk bahan batuan, pasir, silika, bata dan simen dari lombong atau kuari ke premis atau tapak projek pembinaan infrastruktur awam yang utama dan kerja-kerja pembinaan kritikal dibenarkan; dan
4. Pengoperasian lombong dan kuari berdasarkan kepada keperluan yang ditetapkan oleh Pejabat Hasil Bumi.

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)**

**PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN**

**Masa operasi: Mengikut kelulusan lesen oleh pihak berwajib**

**Kapasiti pekerja : Mengikut peraturan pekerja yang telah lengkap divaksin**

1. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal;
2. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama;
3. Kerja-kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kuaters Pekerja Pusat (CLQ);
4. Kerja-kerja kecil yang dilaksanakan oleh kontraktor (CIDB, Kelas G1 dan G2) dan (PUKONSA, Kelas F dan E);
5. Kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman perseorangan/bangunan komersial;
6. Kerja-kerja penyiasatan tanah;
7. Kerja-kerja pembinaan projek Kerajaan (*Government Funded Project*);
8. Perkhidmatan professional/perunding yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan bagi kerja-kerja yang dibenarkan beroperasi;
9. Perkhidmatan dalam rantaian bekalan yang terlibat bagi kerja-kerja yang dibenarkan beroperasi;
10. Kerja-kerja bagi penyediaan tapak seperti ukur tanah, kerja-kerja tanah (*earthwork*), penandaan dan pembersihan tapak; dan
11. Kerja-kerja pembinaan jalan raya dan lebuh raya.

Nota: Bilangan pekerja kurang daripada 12 orang adalah dikecualikan daripada kapasiti 80% pekerja.



PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
BAGI SELURUH NEGERI SABAH
TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)**

**PERHUTANAN**

**Masa operasi: Mengikut kelulusan lesen oleh pihak berwajib**

**Kapasiti pekerja : Mengikut peraturan pekerja yang telah lengkap divaksin**

1. Pembukaan aktiviti pembalakan berskala kecil (mengikut ketetapan Jabatan Perhutanan Sabah), industri berasaskan kayu, rotan dan kenaf serta pensijilan;
2. Pergerakan hasil hutan ke kilang, *log pond* dan tapak *stumping point*; dan
3. Pergerakan hasil-hasil kilang dan pembuatan berasaskan kayu, rotan dan kenaf.

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)**

**PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN**
**Masa operasi: Mengikut kelulusan lesen oleh pihak berwajib**
**Kapasiti pekerja : Mengikut peraturan pekerja yang telah lengkap divaksin**

1. Kompleks membeli belah dengan sub sektor yang telah dibenarkan;
2. Pasar raya, pasar raya besar, kedai farmasi, kedai penjagaan diri dan kosmetik, kedai serbaneka, *mini mart*, barang keperluan bayi dan kedai runcit serta *departmental store;*
3. Restoran, gerai-gerai serta *outlet* makanan (6.00 pagi ke 12.00 malam);
4. Kedai serbaneka di stesen minyak (5.00 pagi ke 12.00 malam);
5. Dobi (termasuk layan diri);
6. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan;
7. Kedai cermin mata dan barang optik;
8. Kedai *hardware* / kelengkapan rumah / *technical, electrical and mechanical instrument*;
9. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti;
10. E-dagang (semua kategori produk);
11. Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja);
12. Kedai elektrik dan elektronik (termasuk pembaikan dan penyelenggaraan di rumah/premis);



## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)**

**PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN**
**Masa operasi: Mengikut kelulusan lesen oleh pihak berwajib**
**Kapasiti pekerja : Mengikut peraturan pekerja yang telah lengkap divaksin**

13. Kedai buku, alat tulis dan percetakan;
14. Kedai bunga (*nursery* dan *florist*);.
15. Pusat pengedaran dan penjualan kenderaan beroda dan jentera berat;
16. Kedai aksesori kereta dan kedai motosikal/basikal;
17. Kedai peralatan sembahyang dan pengebumian;
18. Pusat khidmat cucian kereta;
19. Kedai perabot;
20. Kedai kedai menjual dan membaiki komputer, telefon/handphone (alat telekomunikasi);
21. Kedai gunting rambut dan salun kecantikan;
22. Kedai peralatan memancing / alatan perikanan;
23. Kedai menjahit pakaian, operasi tukang jahit pakaian, kasut dan beg (dalam premis);
24. Kedai percetakan pengiklanan dan papan tanda;
25. Kedai peralatan sukan;
26. Kedai pakaian, fesyen dan aksesori;

## PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
## BAGI SELURUH NEGERI SABAH
## TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

**Aktiviti Dibenarkan**
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)**

**PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN**
**Masa operasi: Mengikut kelulusan lesen oleh pihak berwajib**
**Kapasiti pekerja : Mengikut peraturan pekerja yang telah lengkap divaksin**

27. Kedai barang kemas;
28. Kedai barang fotografi dan perkhidmatan fotografi;
29. Kedai barang terpakai;
30. Kedai kraftangan dan cenderahati;
31. Kedai antik;
32. Kedai alat permainan;
33. Kedai permaidani;
34. Kedai kandungan kreatif;
35. Kedai peralatan *outdoor*;
36. Kedai penjagaan kulit dan minyak wangi;
37. Kedai tembakau;
38. Galeri perumahan dan *show room; dan*
39. Kafe siber dan pusat siber.

Bagi semua sub sektor yang disenaraikan di atas, boleh beroperasi dengan syarat semua pelanggan dan pekerja perlu **telah lengkap divaksin.**



PELAN PEMULIHAN NEGARA – SOP FASA 4
BAGI SELURUH NEGERI SABAH
TARIKH KEMASKINI: 10 FEBRUARI 2022

Aktiviti Dibenarkan
- Semua sektor dan aktiviti yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services).

Aktiviti Tidak Dibenarkan
- Senarai sektor dan aktiviti yang TIDAK DISENARAIKAN sebagai Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap
- Peraturan 14 dan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Undang-undang, Arahan, Peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Tertakluk kepada laporan Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan.

Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

**SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (*NEGATIVE LIST*)**

| | |
|---|---|
| **Aktiviti Hiburan** | • Aktiviti di kelab malam atau pub.<br>• Pusat Karaoke. |
| **Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan** | • Aktiviti pelancongan ke dalam negara yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia. |
| **Aktiviti Sukan dan Rekreasi** | • Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan **MELEBIHI** kapasiti yang ditetapkan. Penganjuran semua kejohanan atau pertandingan sukan **KECUALI** kebenaran Kementerian Belia dan Sukan (KBS). |
| **Lain-lain Yang Tidak Dibenarkan** | • Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.<br>• Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa. |